



Terbit pada Sabtu
minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

BH
Berita Harian

KEMPEN 'TIADA MINYAK SAWIT' DI PERANCIS, BELGIUM TAK ADIL

» *Malaysia kesal dakwaan minyak sawit beri kesan negatif kesihatan pengguna*

Oleh **Nik Aznizan Nik Ibrahim**
aznizan@mpob.gov.my

Sejak bermulanya rang undang-undang 'Nutella Tax' di Perancis, terdapat percambahan kepada kempen pelabelan 'Tiada Minyak Sawit' di Perancis dan Belgium.

Rangkaian pasar raya Casino, System U dan Delhaize menerajui inisiatif ini melalui jenama mereka sendiri. Beberapa syarikat makanan besar lain seperti Frito-Lay, St. Michel dan Roger juga turut serta dalam kempen ini.

Pada masa ini, terdapat lebih 550 produk yang dilabel *sans huile de palm* (tiada minyak sawit) yang terdapat dalam pasaran runcit di Perancis dan Belgium.

Menteri Perusahaan Perladan

ngan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas yang mengetuai misi penggalakan minyak sawit dan kayu ke Belanda dan Belgium baru-baru ini berkata, Peraturan Maklumat Makanan (FIR) yang mensyaratkan pengeluaran produk makanan di Kesatuan Eropah melabelkan minyak sayuran tertentu tidak seharusnya digunakan untuk memburukkan minyak sawit.

"Kami tidak ada masalah dengan FIR, asalkan ia dipraktikkan dalam bentuk pelabelan positif," katanya.

FIR berkuat kuasa di seluruh Kesatuan Eropah pada 13 Disember 2014.

Selain trend pelabelan, Malaysia juga bimbang mengenai dakwaan bahawa minyak sawit membawa kesan negatif terhadap kesihatan pengguna dan menyebabkan pelbagai penyakit seperti penyakit kardiovaskular (CHD).

Projek penyelidikan yang dijalankan secara kolaborasi antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan pusat kecemerlangan bioperubatan di luar negara menunjukkan bahawa minyak sawit adalah sebaik minyak tempatan, malahan dalam keadaan tertentu, ia lebih baik dari



Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersalaman dengan Kris Peeters pada pertemuan dua hala di Brussels, baru-baru ini.

sudut tindak balas cholesterolemik jika dibandingkan dengan minyak dan lemak lain yang dikaji.

"Minyak sawit mempunyai fungsi unik yang diperlukan dalam perumusan banyak produk makanan," katanya.

Beliau berkata, minyak sawit Malaysia juga tidak memusnahkan alam sekitar dan habitat hidupan liar seperti yang didakwa oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari Barat.

"Kami sebenarnya mengeksport minyak sawit yang diperakui kemampuannya ke Eropah dan pengeluaran minyak sawit dari Malaysia mengguna pakai inisiatif di

bawah pensijilan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)," jelasnya.

Tindakan berat sebelah

Isu pelabelan 'Tiada Minyak Sawit' yang berat sebelah, tidak adil dan tidak berasas ini dibincangkan ketika pertemuan dua hala beliau dengan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan Luar Belgium, Kris Peeters di Brussels.

Mesyuarat dengan Kris Peeters turut membincangkan Laporan Penasihat Sains-Dasar yang diterbitkan oleh Majlis Kesihatan Superior pada 8 Ogos 2013 mengenai kesan buruk pada kesihatan aki-

bat pengambilan minyak sawit dalam kuantiti yang banyak.

Laporan yang memburukkan minyak sawit ini dibuat berdasarkan andaian yang salah.

Pengerusi MPOB, Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May turut serta dalam mesyuarat dua hala itu.

Menurut laporan sebuah akhbar tempatan di Belgium, Kris Peeters selepas pertemuan itu berkata, dengan pelaksanaan FIR bermula 13 Disember, perbezaan di antara label produk makanan yang mengandungi atau tidak minyak sawit akan ditakrifkan mengikut peraturan.



22 penggiat industri sawit terima anugerah

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad** dan **Fadzil Ghazali**
watie@mpob.gov.my
afadzilg@mpob.gov.my

Seri Kembangan: Seramai 22 penggiat industri sawit merangkumi sektor hulu dan hiliran sawit menerima anugerah kerana pencapaian dan prestasi cemerlang sempena Malam Anugerah MPOB dan Anugerah Industri Sawit yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Anugerah disampaikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas (**gambar**). Turut hadir

ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh; Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Berucap pada majlis itu, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, Anugerah Industri Sawit adalah pengiktirafan kerajaan terhadap kecemerlangan pihak industri sawit dalam peningkatan produktiviti dan kualiti minyak sawit serta produk keluaran yang dihasilkan secara mampan.

Anugerah sebagai pengiktirafan

"Anugerah ini adalah bagi memberi pengiktirafan kepada sya-

rikat atau individu yang memberi sumbangan cemerlang kepada peningkatan pencapaian industri sawit.

Sementara itu, beliau juga berkata kelembapan pasaran minyak sayuran dunia telah mempengaruhi pergerakan harga minyak sawit yang mencatat harga purata di bawah paras RM2,500 satu tan.

"Walaupun pada hakikatnya amat sukar untuk kerajaan mengambil sebarang langkah bagi menangani kejatuhan harga sawit, kerajaan sentiasa berusaha bagi mengurangkan impak ke atas industri sawit negara," katanya.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, sebagai langkah se-

mentara, kerajaan membuat keputusan untuk mengecualikan duti eksport semasa sebanyak 4.5 peratus ke atas minyak sawit mentah (MSM) bermula 1 September 2014 hingga 28 Februari 2015.

"Langkah ini bertujuan merangsang eksport MSM dan mengurangkan stok yang seterusnya akan memberi kesan positif kepada harga MSM tempatan," tambah beliau.

Menurutnya, kemerosotan harga minyak sawit di pasaran telah memberi kesan kepada pendapatan pengusaha ladang dan pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit.

Setahun sudah berlalu, dan kita sekarang masuk tahun 2015. Mari kita mengimbas kembali apa yang telah berlaku pada tahun 2014 dan apa yang dijangkakan bagi industri sawit negara pada 2015.

Tahun 2014 merupakan satu tahun yang penuh dengan cabaran. Pada Januari 2013, Kerajaan mengenakan cukai eksport minyak sawit mentah (CPO) dan menghapuskan kuota cukai bebas eksport CPO bagi meningkatkan daya saing industri hiliran sawit negara. Pada bulan September 2014, Kerajaan mengumumkan kadar sifar bagi cukai eksport CPO bagi bulan September dan Oktober (yang kemudian dilanjutkan hingga Disember 2014). Tindakan ini adalah untuk mengurangkan paras stok minyak sawit dan memperkukuhkan harga sawit yang sedang dalam trend menurun. Hasil dari tindakan Kerajaan di atas, harga sawit bertambah kukuh. Purata harga minyak sawit bagi tahun 2014 (Januari hingga November) adalah sebanyak RM 2,402.50 setan dan masih mengatasi tahap purata tahun 2013 iaitu RM 2,371 setan.

Satu lagi usaha memperkukuhkan harga minyak sawit ialah melalui program biodiesel sawit. Menjelang Mac 2014, program biodiesel sawit B5 (adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum) telah dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia. Seterusnya, pada bulan November, program di Semenanjung ditingkatkan ke B7. Pada bulan Disember pula, program B7 dilaksanakan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dengan ini, B7 telah dilaksanakan di seluruh negara. Program B7 dijangka menggunakan 575,000 tan minyak sawit setahun dan menyumbang kepada pengurangan stok minyak sawit dan pengukuhan harga minyak sawit. Program biodiesel dirancang untuk ditingkatkan ke B10 secara berfasa.

Usaha bagi meningkatkan pengeluaran sawit pekebun kecil persendirian (PK) diteruskan dengan pelaksanaan projek Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK). Semenjak mula dilaksanakan sehingga kini, MPOB telah berjaya melaksanakan sebanyak 34,987 hektar TSSPK dan 43,358 hektar TBSPK yang melibatkan seramai 34,014 PK.

Usaha untuk meningkatkan lagi penggunaan produk minyak sawit di sektor hiliran juga menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan bagi tahun 2014. Dana Kerajaan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sebanyak RM 50 juta telahpun diagihkan bagi pengeluaran produk sawit tambah nilai makanan seperti minyak sawit merah (palm-pressed fiber oil) dan juga tokotrienol sawit. Bagi sektor oleokimia pula, sebanyak RM286.1 juta daripada RM305.9 juta peruntukan geran NKEA telah diluluskan sehingga 2014 bagi pembiayaan 15 projek pembangunan derivatif oleo.

Pada tahun 2014, MPOB telah menganjurkan pertandingan dan seminar dalam usaha untuk mengetengahkan mekanisasi ladang. Pertandingan mekanisasi sawit antarabangsa (ICOPM) telah berjaya menarik minat sejumlah 69 penyertaan dari Sweden, Jepun Indonesia dan Malaysia. Justeru, pertandingan ini akan dianjurkan lagi di masa akan datang bagi mencungkil idea baru.

Program penyelidikan genom MPOB meneruskan kecemerlangan pada tahun 2014 di mana gen yang mengawal warna buah telah dapat dikenal pasti. Penemuan ini akan membolehkan pembangunan bahan tanaman baru di mana buah sawit masak dan muda dapat dibezakan dengan lebih mudah. Penemuan ini berjaya diterbitkan dalam jurnal sains antarabangsa terkemuka Nature Communications pada bulan Julai 2014.

MPOB bersama-sama dengan pihak Kastam Negara telah menganjurkan satu sesi dialog Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau GST pada bulan Disember 2014 yang telah memanfaatkan 700 peserta dari berbagai sektor industri sawit di Ibu Pejabat MPOB.

Untuk memastikan hasrat kemampanan sawit dapat dicapai oleh industri, MPOB bersama pihak-pihak berkenaan telah menggubal Piawai Kemampanan Minyak Sawit Malaysia (MSPO). Sehingga hari ini, sebanyak 8,000 hektar ladang sawit dan 1,000 hektar kebun pekebun-pekebun kecil dan tiga kilang telah berjaya melepasi audit pensijilan MSPO kerana mematuhi semua keperluan kemampanan di premis mereka.

Di peringkat antarabangsa, minyak sawit terus dicemahi oleh badan bukan Kerajaan terutamanya di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat. Di samping itu, juga terdapat usaha dari negara-negara pengguna yang lain seperti China dan Iran yang cuba menyekat penggunaan minyak sawit. Dengan usaha gigih MPOB, cemuhan dan tomahan negatif mengenai minyak sawit telah dapat diatasi dengan jayanya. Negara China telah menarik balik sekatan yang dicadangkan terhadap minyak sawit bagi pengeluaran formula susu bayi. Melalui penganjuran beberapa seminar dan perjumpaan dua hala bersama pihak berkuasa Negara China, akhirnya pihak berkuasa China yakin akan kebaikan dan khasiat minyak sawit. Di samping itu, kajian kolaborasi bersama Chinese Nutrition Society telah membuktikan bahawa minyak sawit olein mempunyai khasiat pemakanan yang setaraf dengan minyak zaitun dan tidak membahayakan kesihatan.

Pada Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-25 (ITEX 2014) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, MPOB mencatat sejarah apabila semua penyertaannya memenangi pingat iaitu 17 pingat emas, 14 pingat perak dan satu pingat gangsa dalam pelbagai kategori yang dipertandingkan.

Pada tahun 2015, MPOB akan menubuhkan sebuah institut penyelidikan di Mumbai, India yang akan dikenali sebagai PORTSIM, India bagi meningkatkan penggunaan minyak sawit di negara tersebut.

Usaha akan diteruskan bagi memastikan kesejahteraan industri sawit negara. Ini termasuk memperkukuhkan harga sawit, meningkatkan produktiviti di peringkat hulu dengan memberi tumpuan berterusan kepada sasaran peningkatan purata hasil sawit negara kepada 26 tan buah tandan segar / hektar menjelang 2020 serta peningkatan kadar perahan minyak di kilang sawit. Semoga tahun 2015 akan lebih baik berbanding 2014 bagi industri sawit negara.

SELAMAT TAHUN BARU 2015.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB

EU digesa henti label 'Tiada Minyak Sawit'

» Pihak berkuasa perlu ambil tindakan, pelabelan beri persepsi negatif minyak sawit



Datuk Amar Douglas Uggah Embas, mempengerusikan perbincangan meja bulat dengan wakil daripada Belgian Alliance for Sustainable Palm Oil (BASP) dan European Sustainable Palm Oil Advocacy Group (ESPOAG). Hadir sama ialah Pengerusi MPOB, Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad; Duta Besar Malaysia ke Belgium, Dato' Zainuddin Yahya; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPIC, Datuk M Nagrajan.

Nik Aznizan Nik Ibrahim
aznizan@mpob.gov.my

Brussels

Kesatuan Eropah (EU) digesa menghentikan kempen pelabelan 'Tiada Minyak Sawit' bagi pelbagai produk makanan di Perancis dan Belgium.

Gesaan itu disuarakan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas ketika menyampaikan ucapan semasa Persidangan Minyak Sawit Eropah (EPOC) 2014 bertemakan Minyak Sawit: Cabaran Pemakanan dan Kemampanan.

"Kempen pelabelan 'Tiada Minyak Sawit' bagi pelbagai produk makanan di Perancis dan Belgium adalah berat sebelah, tidak adil dan tidak berasas," katanya.

Beliau menggesa pihak berkuasa untuk menamatkan trend pelabelan itu kerana ia memberi persepsi negatif kepada minyak sawit.

"Kami berdepan dengan pesaing yang menggunakan pelbagai pendekatan hanya semata-mata untuk mempertahankan minyak sayuran keluaran tempatan. Justeru, kami merayu pihak berkuasa untuk menghentikan bentuk pelabelan seperti ini," katanya.

Persidangan itu diadakan tepat pada masanya iaitu hanya beberapa hari sebelum peraturan baru EU, Maklumat Makanan untuk Pengguna

(Peraturan EU 1169/2011) mula berkuatkuasa.

Bermula 13 Disember 2014, semua pengeluaran makanan wajib menyatakan secara khusus asal botani untuk semua minyak sayuran yang digunakan dalam produk mereka dan bukannya menggunakan istilah umum 'minyak sayuran'.

Program Datuk Amar Douglas Uggah Embas di Brussels juga diselitkan dengan perbincangan dua hala bersama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan Luar Belgium, Kris Peters, mengenai isu pelabelan minyak sawit, perbincangan bersama Ahli Parlimen Eropah mengenai isu berkaitan eksport produk sawit ke Eropah dan perbincangan mengenai isu berkaitan eksport produk kayu-kayan bersama Persatuan Perdagangan Kayu Belgium.

Persidangan dan pertemuan dua hala itu adalah antara program yang dijadual dalam misi penggalakan minyak sawit dan kayu-kayan ke Belanda dan Belgium yang berlangsung pada 8 hingga 10 Disember 2014 lalu yang di-

ketuai oleh beliau.

Misi itu turut disertai Pengerusi MPOB, Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Choo Yuen May, wakil Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Majlis Kayu Malaysia (MTC) dan Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (MTCC) serta sektor swasta.

Misi bertujuan mengukuhkan perdagangan dua hala bagi produk berasaskan minyak sawit dan kayu, selain membincangkan bidang kerjasama berpotensi antara sektor swasta Malaysia dan kedua-dua negara.

Ketika lawatan ke Belanda, Datuk Amar Douglas Uggah Embas mengadakan Perbincangan Meja Bulat bersama Persatuan Perdagangan Kayu Belanda. Perbincangan ini bertujuan menerokai langkah memperkukuhkan pasaran eksport produk kayu ke Belanda.

Perlu pendedahan potensi pendapatan sampingan

◉ Dari muka 1

Turun naik harga sawit telah memberi kesan kepada semua pihak tetapi penanam sawit adalah pihak yang paling terjejas.

Justeru, beliau menggesa agar pekebun kecil sawit mempelbagaikan tanaman termasuk melakukan integrasi dengan aktiviti penterakan dan industri desa sebagai antara langkah untuk meningkatkan pendapatan.

"Ini adalah satu daripada langkah jangka panjang yang boleh membantu pekebun kecil menangani kesan kejatuhan harga sawit pada masa ini.

Beliau juga menyeru pegawai MPOB, terutama pegawai Tunjuk Ajar Nasihat Sawit (TUNAS), melengkapkan diri dengan pengetahuan yang bersesuaian bagi membolehkan mereka memberi tunjuk ajar tentang kaedah integrasi yang terbaik untuk

pekebun kecil sawit.

Beliau berkata dalam pembentangan Belanjawan 2015, kerajaan memperuntukkan RM41 juta sebagai tambahan bagi insentif tanam semula dan tanam baharu sawit diusahakan pekebun kecil.

Lebih 600 tetamu hadir pada majlis penyampaian Anugerah MPOB dan Anugerah Industri 2014 terdiri pihak industri dan kakitangan MPOB.

Prestasi eksport komoditi meningkat

» *Pendapatan naik kepada RM87.6b tempoh Januari hingga September lalu*

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya

Hasil pelaksanaan beberapa inisiatif, prestasi eksport komoditi dan produk komoditi menunjukkan peningkatan sebanyak 4.2 peratus bagi tempoh Januari hingga September tahun 2014.

Berucap pada Majlis Penganugerahan Pingat Cemerlang (PPC) dan Majlis Perhimpunan Bulanan MPIC, di sini, baru-baru ini, Menteri Perusahaan Perladangan dan



Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyampaikan anugerah kepada anggota MPOB, Zulhilmy Sulaiman. Turut kelihatan Dato' Noriah Kasnon (kiri) dan Datuk Himmat Singh (dua dari kanan).

Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata pendapatan eksport komoditi meningkat kepada RM87.6 bilion berbanding RM84.1 bilion bagi tempoh sama pada tahun 2013.

Bagaimanapun, katanya, pada sepanjang tempoh itu, MPIC terpaksa mengharungi pelbagai cabaran terutama isu kejatuhan harga sawit dan getah.

"Saya percaya banyak cabaran

perlu diatasi dan ruang untuk MPIC perbaiki bagi terus berusaha meningkatkan eksport komoditi," katanya.

Selain itu, beliau turut menyatakan pada pembentangan bajet lalu, Kerajaan bersetuju meneruskan insentif penanaman baru dan penanaman semula sawit dengan peruntukan sebanyak RM41 juta.

"Insentif ini akan membantu pekebun kecil sawit untuk menanam semula dan sekali gus membuka peluang perniagaan baru kepada usahawan sawit terutama yang terbabit dalam bidang nurseri dan bekalan input pertanian," ujar beliau.

Sementara itu, pada majlis sama beliau turut menyampaikan Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang yang merupakan penghargaan Kerajaan kepada anggota perkhidmatan awam yang mempamerkan khidmat cemerlang dan terbabit dalam pelbagai aktiviti di luar.



AL-FATIHAH

Takziah diucapkan kepada keluarga Mantan Pengerusi MPOB, Allahyarham Tan Sri Sabri Ahmad yang telah kembali ke Rahmatullah pada 8 Januari 2015.

Daripada Pengurusan dan Kakitangan MPOB

2 teknologi terima Anugerah Medal Emas Penyelidikan MPOB

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

Seri Kembangan: Dua teknologi dipilih sebagai pemenang bersama Anugerah Medal Emas Penyelidikan MPOB tahun 2014 yang masing-masing bertajuk

'From Biowaste to Bioactives - Super Antioxidants from the Palm Oil Milling Process' diketuai Dr S Ravigadevi dan teknologi 'Spent Bleaching Earth (SBE) into Bio Organic Fertiliser' yang diketuai Dr Loh Soh Kheang.

Anugerah disampaikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas pada Majlis Anu-

gerah MPOB dan Anugerah Industri Sawit 2014 yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Anugerah ini bertujuan mengiktiraf anggota yang mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan dan pengkomersialan produk yang telah menyumbang kepada industri sawit.

Teknologi 'From Biowaste to Bioactives - Super Antioxidants from the Palm Oil Milling Process' yang diketuai oleh Pengarah Bioteknologi dan Baikbaka MPOB, Dr S Ravigadevi adalah teknologi yang dibangunkan bagi pengeluaran bioaktif yang dikenali phenolics yang terhasil daripada sisa minyak sawit.

Teknologi berkenaan menarik minat usahawan kerana mempunyai nilai ekonomi, dan kesan kesihatan yang luar biasa. Pada masa ini, 20 paten difailkan bagi proses dan aplikasi teknologi yang dilesenkan kepada sebuah

syarikat tempatan, Phenolaeis Sdn Bhd.

Produk phenolics berasaskan sawit mempunyai sifat bioaktif mujarab sebagai anti diabetik, anti radang, anti barah dan sebagainya. Inovasi ini memberi peluang kepada industri sawit menjadi industri nutrasetikal terbesar di dunia kerana banyak sisa pengilangan sawit menjamin sumber yang boleh dipercayai dan diperbaharui.

Projek ini telah dikenal pasti sebagai salah satu usaha yang akan mengubah industri sawit di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Sementara itu, teknologi 'Spent Bleaching Earth (SBE) into Bio Organic Fertiliser' yang diketuai Dr Loh Soh Kheang adalah teknologi bagi menghasilkan baja bio organik.

Penggunaan baja bio organik yang dihasilkan secara SBE me-

nunjukkan kesan yang positif terhadap ciri fizikal tanah untuk pertumbuhan pokok dan mikroba kerana kandungan mineral yang mencukupi, karbon organik dan kapasiti air yang lebih baik.

Pendekatan yang inovatif ini menyumbang kepada pengurangan kos pelupusan bahan sisa sawit kepada sifar.

Pemenang menerima piala pusangan, medal emas untuk setiap ahli, sijil penghargaan dan hadiah tunai berjumlah RM50 ribu yang dikongsi sama rata setiap kumpulan.

Sementara itu, Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad ketika berucap pada majlis itu berkata, MPOB komited meningkatkan kecemerlangan bidang penyelidikan dan menyediakan perkhidmatan berkualiti bagi memastikan pembangunan dan kemajuan industri.



Palm Oil Economic Review & Outlook SEMINAR 2015

Palm Oil Continuing To Deliver Export Growth Amidst Challenges

19 JANUARY 2015
THE ROYALE CHULAN
KUALA LUMPUR

Officiated by:
YB DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS
Minister of Plantation Industries and Commodities

AREAS OF FOCUS

- Performance of the Malaysian & Indonesian palm oil industries in 2014
- Prospect for Malaysian & Indonesian palm oil industries in 2015
- GST and its impact on the Palm Oil Industry
- El Niño: Impact on the Malaysian Production of Palm Oil
- Oils & Fats Situations in China and India
- Demand & Supply Balance of World Oils & Fats

For enquiries, contact:
- Eaishah binti Mohd Darus:
eaishah@mpob.gov.my (603-7802 2903) or
- Norhidayu binti Abdullah:
hidayu@mpob.gov.my (603-7802 2880)

REGISTRATION FEE
RM900

For further information please visit www.mpob.gov.my



Pemenang anugerah bergambar bersama Datuk Amar Douglas Uggah Embas. Turut kelihatan Datuk Himmat Singh, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Datuk Dr. Choo Yuen May.

TAHNIAH

PEMENANG ANUGERAH INDUSTRI SAWIT 2014



KATEGORI KILANG SAWIT

- Pencapaian Kadar Perahan Minyak (OER) Tertinggi Buah Tandan Segar (Bekalan Sendiri) - Semenanjung
Kilang Kelapa Sawit Sungai Jernih (Boustead Plantations Berhad)
- Pencapaian Kadar Perahan Minyak (OER) Tertinggi Buah Tandan Segar (Bekalan Sendiri) - Sabah/Sarawak
Genting Indah Oil Mill (Genting SDC Sdn Bhd)
- Pencapaian Kadar Perahan Minyak (OER) Tertinggi Buah Tandan Segar (Bekalan Luar) - Semenanjung
Kilang Kelapa Sawit Raub (Raub Mining Development Sdn Bhd)
- Pencapaian Kadar Perahan Minyak (OER) Tertinggi Buah Tandan Segar (Bekalan Luar) - Sabah/Sarawak
Kim Loong Sabah Mills Sdn Bhd (Kim Loong Resources Berhad)

KATEGORI KILANG PENAPIS

Nasional:
Cargill Palm Products Sdn Bhd Kuantan

KATEGORI KILANG PELUMAT ISIRUNG

- Isirung Bekalan Sendiri - Nasional:
Nuri Kernel Crusher Plant (Sime Darby Plantation Sdn Bhd)
- Isirung Bekalan Luar - Nasional:
Jin Lee Oil Mill Sdn Bhd

KATEGORI KILANG OLEOKIMIA

Nasional:
IFFCO (M) Sdn Bhd, Pasir Gudang, Johor

KATEGORI PENIAGA BUAH SAWIT

Nasional:
Kim Ma Oil Palm (Transport) Sdn Bhd

KATEGORI TAPAK SEMAIAN

Nasional:
T.K. Tani Enterprise Sdn Bhd

KATEGORI LADANG

- Keluasan melebihi 2,000 hektar
 - Semenanjung:
Ladang Gambang (YP Plantation Holdings Sdn Bhd)
 - Sabah:
Rakanan Jaya Sdn Bhd (IJM Plantations Bhd)
 - Sarawak:
Tatau Estate (Woodman Sdn Bhd)
- Keluasan 500 - 1,999 hektar
 - Semenanjung:
Ladang RTB Pulau Tiga (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak)
 - Sabah:
Sapang Estate (Aumkar Plantations Sdn Bhd)
 - Sarawak:
Forescom Sarawak Sdn Bhd
- Keluasan 40.47 - 499 hektar
 - Semenanjung:
The Shalimar (Malay) Estate Co. Ltd.
 - Sabah:
Ladang Richard
 - Sarawak:
Sare Plantation Sdn Bhd
- Semenanjung:
Hariri b. Sadiman
- Sabah:
George Paulai
- Sarawak:
Sahar b. Puasa

Seminar GST untuk penggiat industri sawit

» *Bantu fahami secara terperinci pelaksanaan*

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

► **Bangi**

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Jabatan Kastam Di Raja Malaysia menganjurkan seminar dan dialog khusus untuk penggiat industri sawit berhubung pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang akan berkuatkuasa mulai 1 April 2015.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May berkata, MPOB sebagai agensi yang berperanan membangun dan memajukan industri sawit negara mengambil tanggungjawab menganjurkan seminar itu susulan maklum balas dan kerisauan sebilangan penggiat industri sawit.

“Penganjuran seminar dan dialog yang mendapat sokongan padu Jabatan Kastam DiRaja Malaysia ini akan memberi pemahaman secara terperinci berhubung pelaksanaan GST yang membabitkan industri sawit,” katanya ketika berucap merasmikan program berkenaan.

Konsep cukai baharu

Beliau berkata, GST bukanlah konsep cukai baharu sebaliknya diperkenalkan sejak tahun 1950-an.



Sebahagian peserta Seminar GST yang hadir. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (duduk dua dari kanan).

“Sehingga kini, GST atau juga dikenali sebagai Cukai Nilai Ditambah (VAT) di sesetengah negara, telahpun dilaksana di lebih 160 negara di dunia termasuk Kesatuan Eropah, China dan Singapura. Di kalangan negara ASEAN, hanya Brunei dan Myanmar sahaja yang belum melaksanakan GST.

“GST yang akan bermula pada 1 April 2015 pada kadar 6% adalah bagi menggantikan cukai penggunaan semasa iaitu Cukai Jualan

dan Cukai Perkhidmatan (SST).

“Pelaksanaan GST adalah langkah kerajaan untuk menstruktur semula sistem percukaian negara agar lebih efektif, efisien dan telus bagi mempertingkatkan daya saing di peringkat antarabangsa,” katanya.

Dr Choo berkata, inisiatif mengadakan sesi penerangan bagi memberi pemahaman yang lebih jelas dibuat berdasarkan kaji selidik yang dijalankan MPOB berhubung pemahaman terhadap

pelaksanaan GST di kalangan penggiat industri sawit.

“Berdasarkan tinjauan itu, MPOB mendapati masih terdapat di kalangan inisiatif pemain industri sawit yang belum memahami tentang pelaksanaan GST dalam industri sawit,” katanya.

Beliau berkata, seminar dan dialog yang dianjurkan adalah khusus bagi membantu penggiat industri sawit meningkatkan pemahaman dan persediaan untuk pelaksanaan GST.

MPOB terima Anugerah Kepimpinan Berkualiti ESQR 2014

Oleh Johari Minal
johari@mpob.gov.my

Amerika Syarikat: MPOB menerima Anugerah Kepimpinan Berkualiti 2014 (Quality Leadership Award) daripada ESQR (European Society for Quality Research) di Hotel Statosphere, Las Vegas, di sini, baru-baru ini.

Kemenangan itu adalah pengiktirafan antarabangsa terhadap sumbangan MPOB kepada kemajuan dan kejayaan industri sawit Malaysia.

Dalam ucapan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May yang dibacakan oleh Pengurus Wilayah Amerika, Johari Minal, beliau berkata penghargaan anugerah itu memberi inspirasi kepada warga MPOB untuk lebih berinovatif dan menemai lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.

“Melalui penyelidikan dan inovasi, minyak sawit menjadi minyak makan yang paling banyak kegunaannya dan berdaya saing di dunia. Produk daripada sawit kini digunakan di dalam ribuan produk makanan dan bukan makanan di seluruh dunia.

Turunkan kolesterol

“MPOB juga membuka lembaran baharu dalam bidang penyelidikan sawit bagi menghasilkan pro-



Johari menerima Anugerah Kepimpinan Berkualiti ESQR 2014 bagi pihak MPOB.

duk yang bernilai tinggi. Contohnya, MPOB berjaya menghasilkan tokotrienol iaitu bahan antioksidan yang hebat,” katanya.

Beliau berkata, penyelidikan MPOB mendedahkan bahawa tokotrienol boleh menurunkan kolesterol, menghapus dan menghalang pembentukan plak dalam salur arteri, melindungi fungsi otak dan pelbagai faedah kesihatan yang lain.

Datuk Dr Choo juga turut menegaskan bahawa industri sawit Malaysia adalah mesra alam.

“Industri sawit Malaysia mengamalkan sisa sifar sejak 30 tahun dahulu. Segala sisa sawit

dikitar semula atau diproses semula kepada bahan yang lebih tinggi nilainya. Ini menjadikan industri sawit Malaysia mesra alam,” katanya.

Katanya, MPOB menjangkakan pensijilan ‘Malaysian Sustainable Palm Oil’ (MSPO) berupaya membantu industri sawit Malaysia terutamanya pekebun kecil dalam pengeluaran minyak sawit Malaysia yang mampan.

Beliau turut menyatakan bahawa polisi berwawasan kerajaan berjaya mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk perkembangan industri sawit melalui bidang penyelidikan.

Ketua Pengarah MPOB terima Anugerah Merdeka

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May adalah antara enam individu ulung yang menjadi tumpuan apabila dikurniakan Anugerah Merdeka 2014 daripada Penaung Diraja Tabung Amanah Anugerah Merdeka, DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzudin Shah di sini, baru-baru ini.

Penyampaian anugerah itu menjadi mercu tanda tahun ketujuh dalam menghargai individu dan pertubuhan cemerlang dalam bidang masing-masing melalui pencapaian bermakna dan memberi sumbangan yang berkekalan untuk negara.

Datuk Dr Choo Yuen May dipilih menerima Anugerah Merdeka bagi pencapaian dalam bidang kesihatan, sains dan teknologi.

Sumbangan cemerlang beliau terhadap perkembangan proses yang baharu, cekap dan hijau untuk industri sawit melalui penyelidikan serta pengkomersialan teknologi.

Individu lain yang turut menerima anugerah berprestij itu ialah Datuk Mohd Nor Khalid atau lebih dikenali sebagai kartunis Lat bagi sumbangan da-

lam bidang pendidikan dan masyarakat; Mohd Khan Momin Khan bagi bidang persekitaran; Profesor Dr Abdul Latif Ahmad dan Profesor Dr Ahmad Fauzi Ismail dalam bidang pencapaian ilmiah cemerlang dan Dato’ Sri Gathorne, Earl of Cranbrook bagi sumbangan cemerlang terhadap rakyat Malaysia.

Majlis penyampaian turut dihadiri individu ulung Malaysia daripada sektor korporat, akademik, industri, kerajaan dan bukan kerajaan.

Majlis itu menandakan selesainya proses pencalonan dan pemilihan rapi Anugerah Merdeka tahunan di Malaysia serta peringkat antarabangsa.

Proses yang bermula pada Januari setiap tahun itu memberi tumpuan pada pencapaian dan bukan pada keberibadian.

Penilaian melihat pada pencapaian yang bersifat original, bermakna dan boleh dikekalkan sumbangan mereka kepada rakyat Malaysia.

Sejak penubuhannya pada 2007, sebanyak 28 individu dan dua pertubuhan menerima Anugerah Merdeka.

Setiap penerima diberi Piala Anugerah Merdeka, Karya Seni Anugerah Merdeka, sijil pengiktirafan serta hadiah tunai berjumlah RM500 ribu. Penerima bersama berkongsi hadiah tunai secara sama rata.



Kompos POMEFree® juga boleh terus diaplikasikan ke ladang sawit, seterusnya menjimatkan penggunaan baja kimia.



MPOB F4 PREMIUM: Formulasi baja premium khusus untuk tanah mineral di Sabah, Sarawak

Oleh **Ahamad Afandi Murdi**
aafandim@mpob.gov.my

Pembajaan adalah salah satu cara utama untuk meningkatkan kesuburan tanah yang kekurangan nutrien.

Nutrien yang dibekalkan melalui pembajaan akan meningkatkan tumbesaran pokok dan penghasilan tandan segar, tetapi pembajaan yang berkesan tidak akan tercapai jika gagal mengatasi kelemahan seperti tidak menggunakan baja yang mengandungi formulasi nutrien yang seimbang.

Formulasi baja yang seimbang dengan jumlah yang optimum akan menjimatkan kos dan meningkatkan hasil.

Ini kerana kos pembajaan sawit adalah tinggi iaitu di antara 50 hingga 65 peratus daripada keseluruhan kos penyelenggaraan sawit matang.

Pembajaan yang berlebihan adalah pembaziran dan menyebabkan kos pengeluaran yang tinggi.

Oleh itu pengurusan pembajaan dengan penggunaan baja yang mengandungi nutrien seimbang dapat mengelakkan pembaziran dan pencemaran alam sekitar.

Berdasarkan kepentingan pembajaan sawit yang berkesan, MPOB dengan kerjasama Sabah Softwoods Hybrid Fertilizer Sdn. Bhd (SSHFF) yang beroperasi di POIC Lahad Datu, Sabah membangun dan mengkomersialkan produk baja sawit baharu iaitu MPOB F4 Premium dengan formulasi nutrien - N:11%, P2O5: 6%, K2O: 22%, MgO: 2%, B2O5: 0.5%, Organik + 5% Azomite.

Pelancaran produk baja itu disempurnakan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas pada 3 November 2014 sempena perasmian Persidangan Kebangsaan Pengilangan Sawit, Penapisan, Persekitaran dan Kualiti (POMREQ) di Pullman Kuching, Sarawak.

Formulasi premium untuk sawit

Melalui perjanjian kerjasama MPOB-SSHFF, syarikat SSHFF diberi lesen untuk mengeluarkan dan mengkomersialkan produk itu di pa-

saran. Baja MPOB F4 Premium dirumus khas oleh MPOB berdasarkan tahap keperluan nutrien tanah mineral utama yang sesuai untuk penanaman sawit terutamanya di Sabah.

Formulasi ini dapat memenuhi keperluan pemakanan pokok sawit yang seimbang berdasarkan faktor keperluan untuk tumbesaran, penghasilan buah tandan segar dan kehilangan nutrien melalui persekitaran.

Baja MPOB F4 Premium terdiri daripada baja sebatian kimia, bahan organik serta Azomite.

Dikenali juga sebagai baja 3 dalam 1, baja MPOB F4 Premium mengandungi sebatian kimia seimbang, bahan organik dan Azomite yg bertindak sebagai pelengkap keperluan unsur surih.

Kandungan unsur surih yang melebihi 20 jenis seperti yang terkandung dalam Azomite akan membantu memenuhi keperluan unsur surih untuk sawit dalam jangka masa panjang.

Di samping itu, bahan organik daripada sisa kilang sawit yang dikitar semula untuk dijadikan baja yang terdapat dalam MPOB F4 Premium tersedia dipakai kerana telah diurai setelah diperkayakan oleh mikro organisma.

Oleh itu, MPOB F4 Premium adalah baja lengkap 3 dalam 1, yang bertindak untuk memperbaiki struktur tanah di samping meningkatkan daya keupayaan tanah untuk menyimpan air serta mengekalkan kandungan unsur surih dalam tanah untuk jangka masa panjang.

Keistimewaan baja MPOB F4 Premium

Baja MPOB F4 Premium diperkaya dengan bahan organik yang bermutu tinggi daripada sisa kilang sawit seperti kek dekanter sawit, POME dan abu tandan sawit.

Bagi baja sebatian biasa yang menggunakan kaolin sebagai bahan pengikat, penggunaannya dalam jangka masa yang panjang akan menyebabkan tanah mudah menjadi keras.

Bahan pengikat baja MPOB F4 Premium terdiri daripada bahan organik yang merupakan bahan mesra alam serta berupaya memperbaiki kualiti tanah dalam jang-

ka masa panjang. Selain membantu tanah mengekalkan kelembapan serta nutrien, ianya membantu meningkatkan populasi mikroorganisma berfaedah.

Penggunaan Azomite dalam formulasi baja MPOB F4 Premium menjadikan baja ini sangat sesuai untuk keperluan nutrien sawit dalam jangka masa panjang.

Azomite yang dilombong daripada sisa abu gunung berapi daripada Utah, Amerika Syarikat mengandungi spektrum luas mineral aktif dan mineral surih yang berkualiti tinggi akan bertindak balas sebagai kombinasi unsur surih di dalam tumbuhan.

Sebagai contoh, dua kombinasi unsur surih seperti ferum dan magnesium diperlukan dalam proses pembentukan klorofil dalam tanaman.

Bebas bahan kimia

Azomite adalah sumber surih semula jadi yang biasanya mengandungi lebih daripada 70 kombinasi mineral dan unsur surih. Ianya bebas daripada bahan kimia dan diperakui di peringkat antarabangsa untuk pengeluaran tanaman organik.

Penggunaan Azomite yang berterusan akan menjadikan sistem vaskular tanaman lebih sihat seterusnya menjadikan pengangkutan dan mengasimilasi nutrient lebih berkesan.



Menjadi satu amalan biasa hari ini untuk memberi tumpuan kepada bekalan nutrien utama (NPK) sahaja bagi keperluan sawit matang dan mengabaikan keperluan unsur surih.

Unsur ini sangat diperlukan untuk keperluan fisiologi tanaman yang memerlukan lebih daripada 20 jenis unsur yang berbeza, oleh itu Azomite digunakan untuk memperbaiki keseimbangan mineral tanah.

Untuk tanaman jangka panjang seperti sawit, tanah mungkin akan berkurangan unsur surih yang diperlukan untuk prestasi optimum. Maka, keperluan untuk menanam tanah dengan unsur surih yang lengkap dapat mengelakkan pengurangan hasil dan jangkitan penyakit.

Teknologi POMEFree® ke arah sisa buangan sifar

» Sistem konvensional rawatan air diguna pakai ketika ini hasilkan gas metana

Oleh **Dr Hj Zulkifli Ab Rahman dan Nu'man Abdul Hadi**
bhnews@bharian.com.my

Sisa Efluen dan Sisa Pepejal dari Kilang Sawit

Industri sawit negara telah membangun dengan pesat sejak 50 tahun lalu. Ini dapat dilihat dengan peningkatan penghasilan minyak sawit mentah (MSM) yang ketara dengan mencatatkan penghasilan sebanyak 17 juta tan MSM pada tahun 2010, berbanding 92,000 tan MSM yang dihasilkan pada tahun 1960. Namun, perkembangan ini turut menyaksikan sejumlah besar efluen sawit dan sisa pepejal yang terhasil daripada proses pengilangan sawit dan berupaya mengancam alam sekitar sekiranya ianya tidak dirawat dengan cara yang betul.

Di samping itu, sistem konvensional rawatan air yang digunakan ketika ini menghasilkan gas metana semasa proses anaerobik dan seterusnya menggalakkan kesan gas rumah hijau.

Secara purata, kilang sawit menghasilkan 0.68 tan efluen sawit dan 0.23 tan tandan kosong bagi setiap satu tan buah tandan segar (BTS) yang diproses.

Sejumlah besar kilang sawit di Malaysia masih dibenar melepaskan efluen sawit yang telah di-

rawat ke sungai-sungai berhampiran, manakala sisa pepejal terutamanya tandan kosong diguna pakai sama ada untuk pembakaran atau dilupuskan di ladang.

Kilang sawit di Malaysia masih mempraktikkan kaedah konvensional rawatan air sama ada melalui penahanan efluen dalam kolam (ponding system) atau bergandingan dengan sistem rawatan air tertier (tertiary treatment system).

Kaedah ini memerlukan air dirawat sehingga mencapai tahap Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) sama ada 100mg/L atau 20 mg/L.

Pelaksanaan undang-undang yang lebih ketat dengan keperluan BOD pada tahap di bawah 20 mg/L yang dikenakan di sesetengah tempat menuntut keberkesanan teknologi rawatan sedia ada untuk dikaji semula kerana kesukaran untuk mencapai had BOD di bawah 20 mg/L secara konsisten.

Konsep Teknologi POMEFree®

POMEFree® adalah teknologi pengkomposan inovatif dan holistik berkonsepkan pengurusan berkesan efluen sawit dan tandan kosong dengan objektif untuk mencapai sisa buangan sifar (zero waste).

Sisa sifar di sini merujuk kepada penyingkiran efluen sawit dan penakaran sisa pejal kepada produk kompos (baja organik) secara keseluruhan.

Reka bentuk teknologi ini menggalakkan penggunaan air yang minimum dan tidak berlebihan di dalam proses pengilangan sawit.

Loji POMEFree® yang dibangunkan dilengkapi dengan sistem pengudaraan, mesin pemalakan dan sistem semburan efluen sawit yang inovatif. Loji berbumbung turut dibina untuk meng-

halang kemasukan air hujan ke kawasan loji kompos.

Secara amnya, tandan kosong yang telah dicarik kepada cebisan kecil dihantar ke loji kompos POMEFree® sebelum disembur dengan efluen sawit yang diambil terus dari proses kilang. Teknologi ini menyingkirkan kandungan air dalam efluen sawit secara perupuan air semasa proses pengkomposan.

Untuk mencapai objektif ini, bakteria termofilik yang aktif pada suhu tinggi iaitu sekitar 55°C ke 85°C digunakan bagi memastikan perupuan air secara berturutan.

Penggunaan bakteria termofilik turut mengelakkan penghasilan gas metana kesan daripada penguraian sisa organik secara proses aerobik.

Formulasi dan pengaktifan bakteria di awal proses merupakan antara ciri inovasi khas teknologi POMEFree®.

Selain itu, rekabentuk teknologi POMEFree® yang berupaya menerima efluen sawit setiap hari membolehkan pihak kilang tiada keperluan menggunakan kolam bagi tujuan penahanan efluen.

Bagaimanapun, tangki penampungan turut dibina bagi tujuan keemasan dan juga bagi membolehkan efluen dikumpul sebelum dihantar ke loji kompos.

Bergantung kepada efluen sawit yang dihasilkan kilang sawit, teknologi ini mampu menerima sehingga 0.65 tan efluen sawit bagi setiap satu tan BTS yang diproses.

Selain terbukti berkesan di peringkat komersial, dimana kilang sawit tidak lagi melepaskan efluen sawit (tiada sistem rawatan air, kolam efluen dll), teknologi POMEFree® turut menghasilkan produk bernilai tinggi iaitu baja kompos organik.



Pandangan atas loji pengkomposan POMEFree®. Kilang tidak lagi menggunakan kolam atau sistem tertier untuk merawat efluen sawit.

Proses Pengkomposan Baja Organik

Kompos yang terhasil adalah stabil dan matang selepas enam ke sembilan minggu, dengan bacaan purata nisbah karbon kepada nitrogen (C/N) antara 12 ke 15. Kandungan kelembapan air dalam kompos adalah pada tahap 50%, sesuai untuk diaplikasikan ke ladang sawit.

Kompos yang terhasil mempunyai 2.5 kali lebih nutrien berbanding proses pengkomposan separa yang lain, ekoran penggunaan 100 peratus tandan buah kosong dan efluen sawit.

Aplikasi kompos yang terhasil daripada teknologi POMEFree® ke ladang sawit membolehkan penjimatan kos penggunaan baja kimia.

Nilai Komersial

Bagi kilang sawit berkapasiti 45 tan sejam yang memproses 270,000 tan BTS setahun, dengan anggaran kos baja sebanyak RM380 per tan, kompos yang dihasilkan melalui teknologi ini mampu memberikan penjimatan sebanyak RM7.6 juta setahun.

Penjimatan bersih selepas mengambilkira kos operasi dan aplikasi kompos adalah kira-kira RM4.8 juta setahun. Dianggarkan pulangan pelaburan dapat diperolehi sepenuhnya selepas empat ke enam tahun.

Teknologi Mampan dan Mesra Alam

Ketika industri sawit Malaysia berdepan isu-isu pencemaran air su-

ngai dan udara oleh kilang-kilang sawit, teknologi POMEFree® tampil sebagai satu alternatif penyelesaian secara menyeluruh. Melalui proses pengkomposan aerobik yang berterusan, teknologi ini berupaya meluhwapkan sejumlah besar air sekaligus menafikan keperluan untuk melepaskan efluen sawit. Kompos yang terhasil dari proses pengkomposan pula adalah kaya dengan nutrien dan sesuai untuk dihantar ke ladang kelapa sawit sebagai baja organik. Teknologi ini adalah selari dengan kehendak kerajaan Malaysia yang menggalakkan rekacipta teknologi hijau dan bersih, seterusnya mempromosikan industri sawit Malaysia yang mampan dan mesra alam.



Penggunaan baja MPOB F4 Premium membantu memenuhi keperluan nutrien sawit yang optimum dalam jangka masa panjang.

The Premier Oil Palm Event is back!

The Malaysian Palm Oil Board is organising >>

INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS AND EXHIBITION

PIPOC 2015

6 - 8 October 2015
Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur, Malaysia

The grand MPOB International Palm Oil Congress and Exhibition (PIPOC) with five concurrent conferences will examine and discuss the many facets of the oil palm industry. PIPOC 2013 was attended by more than 2,200 participants from 48 countries.

Book your place now to make sure you will be one of them in 2015!

PIPOC 2015 features 5 concurrent conferences, namely:

- Agriculture, Biotechnology & Sustainability
- Chemistry, Processing Technology & Bio-Energy
- Food, Lifestyle & Health
- Oleo & Specialty Chemicals
- Global Economics & Marketing

Another attraction of the Congress is an Evening Forum on Current Issues. You may opt to be a:

- **SPEAKER, POSTER PRESENTER or PARTICIPANT** or your organisation may;
- EXHIBIT your products and/or services
- ADVERTISE in the Souvenir Programme of the Congress

For more information, kindly e-mail to: pipec2015@mpob.gov.my or visit MPOB website at www.mpob.gov.my

Organised by

MALAYSIAN PALM OIL BOARD
Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia

MPOB lancar misi bantuan mangsa banjir

Oleh Mohd Saufi Awang
saufi@mpob.gov.my

Bangi: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), agensi dan majlis di bawahnya melancarkan Misi Bantuan Banjir bagi membantu kakitangan yang terjejas banjir di Kelantan dan Pahang.

Seramai 13 kakitangan MPOB Pejabat Cawangan Kuala Krai dan 21 kakitangan Pejabat Cawangan Temerloh terjejas banjir yang melanda negeri berkenaan baru-baru ini.

Bantuan kepada kakitangan MPOB, Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Lembaga Koko Malaysia (LKM) yang terjejas banjir di Temerloh, Pahang disampaikan oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kason. Hadir sama pada majlis penyampaian bantuan banjir di pejabat MPOB Cawangan Temerloh ialah Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan pegawai kanan kementerian.

15 kakitangan sertai misi

Terdahulu, delegasi MPOB yang diketuai oleh Pengarah Kewangan dan Pengurusan, Mohamad Nor Abdul Rahman bersama 15 kakitangan berserta tujuh kenderaan MPOB terbabit dalam misi penghantaran barangan makanan, pakaian dan ubatan kepada kakitangan MPOB yang terjejas di Kuala Krai, Kelantan pada 3 Januari lalu.

Barangan makanan dan keperluan harian juga diedarkan kepada penduduk yang terjejas banjir di Kuala Krai dan Gua Musang, Kelantan.

MPOB membuka Kaunter Sumbangan Mangsa Banjir di Ibu Pejabat bagi membolehkan kakitangan dan orang ramai yang ingin menghulur sumbangan bagi membantu kakitangan dan penduduk yang terjejas banjir.



Datuk Dr Choo Yuen May ketika melancarkan Program Mega Kebersihan sempena Minggu Inovasi MPOB. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (R&D), Dr Ahmad Kushairi Din (kiri).

Program Inovasi tingkat kualiti R&D

» MPOB sasar jadi institusi penyelidikan gemilang

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) buat julung kalinya menganjurkan Program Inovasi bagi menggantikan Program Kualiti yang diadakan saban tahun sebelum ini.

Program Inovasi bertema-

kan Merentas Cabaran, Mencipta Kecemerlangan itu dirasmikan oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May di sini, baru-baru ini.

Dalam ucapannya beliau berkata, tema berkenaan akan memberi inspirasi kepada anggota MPOB bagi meningkatkan kualiti, terutama dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta mencari ruang dan peluang bagi menambah baik hasil penyelidikan dan perkhidmatan.

"Ini akan menjadikan MPOB sebuah institusi penyelidikan yang gemilang. Sambutan Program Inovasi mempunyai pengertian yang besar sekiranya dihayati oleh semua peringkat dan kategori anggota MPOB," katanya.

Beliau berkata, secara umum ia memperlihatkan komitmen kepada seruan kerajaan bagi anggota perkhidmatan awam yang bertindak sebagai peneraju agenda transformasi negara melalui pengamalan proses, pendekatan dan budaya bertaraskan inovatif dan kreatif.

"Sambutan seumpama ini perlu digunakan untuk menilai semula prestasi perkhidmatan secara individu atau organisasi bagi memperbaiki kelemahan yang wujud," ujar beliau.

Menurut Datuk Dr Choo, organisasi besar seperti MPOB sering menghadapi cabaran dan perlu berhadapan dengan tuntutan pihak industri, dalam usaha penyelidikan dan pembangunan serta usaha pe-

nguatkuasaan undang-undang dan usaha pelbagai pihak yang memburukkan imej industri sawit negara dengan pelbagai kempen anti minyak sawit, isu pemuliharaan alam semula jadi dan kemampuan minyak sawit.

Beliau berkata, sempena sambutan program inovasi aktiviti seperti pemberian anugerah yang diadakan wajar dijadikan mekanisma bagi mengenalpasti projek yang cemerlang dan berpotensi untuk ditonjolkan bagi tujuan merangkul anugerah pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sempena Program Inovasi 2014, warga MPOB yang menunjukkan prestasi cemerlang menerima anugerah masing-masing dalam pelbagai kategori.

Antara anugerah yang disampaikan

- ☉ Anugerah Medal Emas Penyelidikan MPOB
- ☉ Anugerah Kecemerlangan Sains Piala Pusingan Ketua Pengarah
- ☉ Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Piala Pusingan Ketua Pengarah
- ☉ Anugerah Khas Ketua Pengarah
- ☉ Anugerah Saintis Cemerlang
- ☉ Anugerah Saintis Harapan
- ☉ Anugerah Inovasi
- ☉ Anugerah Keutuhan Pengurusan
- ☉ Anugerah Penerbitan Terbaik
- ☉ Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- ☉ Anugerah Stesen Penyelidikan MPOB Terbaik
- ☉ Anugerah Loji Rintis dan Bengkel Terbaik
- ☉ Anugerah Makmal Terbaik
- ☉ Anugerah Pejabat Terbaik
- ☉ Anugerah Bank Idea
- ☉ Anugerah Inovasi
- ☉ Anugerah Khidmat Emas
- ☉ Anugerah Khidmat Bakti
- ☉ Penghargaan kepada Pesara

MPOB anjur MTecS-ASEAN



Sebahagian peserta seminar MTecS Vietnam anjuran MPOB di Bandar Ho Chi Minh.

Oleh Hisham Hussain dan Rafizah Mazlan

hishamhussain@mpob.gov.my
rafizah@mpob.gov.my

Ho Chi Minh, Vietnam: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) buat julung kalinya menganjurkan MPOB Seminar Teknikal - ASEAN (MTecS-ASEAN) di Hotel Sheraton Saigon, Bandar Ho Chi Minh, Vietnam pada 3 Disember 2014.

Seminar teknikal bertema Pengenalan kepada Minyak Sawit dan Aplikasinya diadakan hasil usaha sama MPOB dan Konsulat Jeneral Malaysia di Vietnam dan disokong Perbadanan Industri Minyak Sayuran Vietnam (VO-CARIMEX), sebuah perbadana-

nan di bawah Kementerian Industri, Vietnam.

Pendedahan produk sawit

Penganjuran seminar bertujuan memberi pendedahan tentang industri dan produk berasaskan sawit kepada pihak industri, khususnya pengeluar industri makanan dan penyelidik di negara itu.

Seminar disertai 120 orang peserta antaranya dari Cai Lan Oils and Fats Industries Company Ltd, syarikat pengeluar minyak sawit terbesar di negara itu.

Konsul Jeneral Malaysia ke Vietnam, Shazryll Zahiran, dalam ucapannya berkata seminar ini membantu peserta memahami maklumat teknikal tentang industri minyak sawit di Malaysia di samping mewujudkan rangkaian stra-

tegik bersama wakil industri di Vietnam.

Beliau berkata, Malaysia melalui MPOB mengalu-alukan kerjasama bagi membangunkan industri sawit di antara kedua-dua negara.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat Teknikal MPOB, Rosidah Radzian, ketika berucap berkata MPOB bertanggungjawab melaksanakan aktiviti promosi minyak sawit dari Malaysia.

Menurutnya, usaha ini dapat meningkatkan pengetahuan pengguna minyak sawit terhadap aktiviti terkini berkaitan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan di Malaysia dan seluruh dunia yang memabatkan nutrisi dan aplikasi makanan yang berasaskan minyak sawit.

PROFIL PEMENANG ANUGERAH INDUSTRI SAWIT

TK Tani bekal anak benih berkualiti

» Sistem pot tray jamin proses tumbesaran anak sawit seragam

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Dalam pembentangan Bajet 2015, kerajaan memperuntukkan RM41 juta sebagai tambahan bagi insentif tanam semula dan tanam baharu sawit yang diusahakan pekebun kecil.

Penanaman semula sawit dengan menggunakan benih sawit berkualiti dan Amalan Pertanian Baik ini satu strategi untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil sekali gus mengurangkan pengeluaran minyak sawit mentah melalui penebangan pokok sawit tua yang tidak produktif.

Untuk mendapatkan anak benih, pekebun kecil perlu membelinya daripada Pengusaha Tapak Semaian yang mempunyai lesen daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi memastikan anak benih itu dapat mengeluarkan hasil berkualiti selepas tiga tahun ditanam.

Bagaimanapun, untuk membe-

li benih sawit tidak semua tapak semaian yang berlesen dengan MPOB mengikut piawaian ditetapkan sebaliknya hanya beberapa saja memenuhi kriteria dan diberi Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC).

Pekebun kecil dinasihatkan merujuk kepada MPOB dan pegawai Tunas yang bertanggungjawab sebelum membuat tempahan anak benih sawit.

Bagi pekebun kecil di kawasan Johor Utara, mereka boleh membuat tempahan anak benih sawit dari TK Tani Enterprise Sdn Bhd (TK Tani) sebuah tapak semaian yang menepati tahap piawaian MPOB dalam menghasilkan anak benih berkualiti tinggi.

Bagi memenuhi permintaan anak benih sawit daripada pekebun kecil yang sentiasa meningkat dari semasa ke semasa pengusaha tapak semaian TK Tani turut menaik taraf teknologinya dalam penyediaan anak benih.

Tukar corak

Pengarah TK Tani, Tan Kim Tun berkata, beliau menukar corak penyediaan anak benih sawit daripada cara konvensional kepada teknologi moden dengan menggunakan sistem pot tray.

“TK Tani sentiasa memandangkan ke depan dalam memajukan in-



Tan Kim Tun menerima Anugerah Industri Sawit Kategori Tapak Semaian daripada Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

dustri sawit dengan meningkatkan teknologi bagi penyediaan anak benih sawit di tapak semaian.

“Penggunaan sistem pot tray ini dimulakan sejak 2010 dan ia memberi kesan yang sangat baik terutamanya dalam menguruskan tapak semaian. Melalui sistem ini proses tumbesaran anak sawit adalah baik dan seragam.

“Paling penting, dengan menggunakan sistem ini, saya dapat mengurangkan penggunaan buruh di tapak semaian kerana kerja penyediaan anak benih sawit dapat dilakukan dengan lebih efisien.

“Melalui pot tray, saya bukan saja mudah untuk menguruskan tapak semaian tetapi dapat menjimatkan kos selain mengurangkan masalah kerosakan anak benih serta anak benih kurang mendapat penyakit,” katanya ketika ditemui pada Majlis Anugerah In-

dustri Sawit 2014.

Kesungguhan Kim Tun dalam mematuhi segala peraturan dan piawaian oleh MPOB itu membolehkan syarikatnya memenangi anugerah dalam kategori tapak semaian.

Besarkan tapak semaian

Menerusi kaedah ini, Kim Tun bukan saja dapat menyelesaikan masalah buruh tetapi dapat membesarkan lagi tapak semaiannya.

Jika empat tahun dulu keluasan tapak semaiannya hanya 3.2 hektar, kini Tan menambah kepada 6.8 hektar.

Kim Tun membuka tapak semaian di Mukim Tangkak, Muar Johor selepas melihat kesukaran pekebun kecil di kawasan berkenaan mendapatkan anak benih kerana ketika itu tiada tapak semaian yang dibuka sedangkan ada ramai pekebun kecil mengu-

sahakan tanaman kelapa sawit.

Beliau yang mempunyai pengalaman selama 16 tahun bertugas dengan Pertubuhan Peladang memanfaatkan kemahiran bidang semaian sawit dalam membangunkan perniagaannya mengikut syarat dan panduan daripada MPOB.

“Fokus penjualan anak benih saya lebih utamakan kepada pekebun kecil dari kawasan sekitar atau pekebun kecil yang disarankan oleh MPOB.

“Saya mengusahakan tapak semaian mengikut peraturan dan piawaian yang ditetapkan MPOB bagi menghasilkan anak benih sawit yang bermutu tinggi,” katanya.

Selain menjual, Kim Tun turut memberi khidmat nasihat kepada pelanggan berhubung pokok yang berkualiti dan memberitahu benih mana sesuai serta memastikan mereka mendapat anak benih yang sepatutnya.

Manfaat setiap ruang, bahan cetus kreativiti

Oleh Parthiban Kannan, Helmi Nazeri dan Siti Afarina Normadi

parthiban@mpob.gov.my, helminazeri@mpob.gov.my, afarina@mpob.gov.my

Mengambil kata-kata perangsang ‘manfaatkan setiap ruang, manfaatkan segala bahan’, sebagai pencetus kreativiti dan inovasi, Hariri Sadiman kini amat berpuas hati dengan pulangan yang diperoleh hasil penanaman sawit dan aktiviti pertanian lain yang dijalankannya.

Beliau yang sebelum ini, lama berkecimpung dalam bidang korporat mendapati industri pertanian mampu memberikan pulangan yang baik jika diusahakan dengan penuh gigih dan tabah.

Hariri Sadiman, 67, anak ke-



Hariri di kandang ternakan kambing yang diusahakan secara integrasi dengan sawit.

lahiran Selangor adalah seorang petani yang berjaya di daerah Kapar, Klang sejak menceburi bidang pertanian bermula pada 2002 di atas tanah miliknya yang

telah lama ditinggalkan.

Sebelum aktif dalam bidang pertanian, Hariri yang berkelulusan dari University of Canterbury di Christchurch, New Zea-

land, pernah berkhidmat di Syarikat Malaysia Airlines (MAS) dan Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS).

Mulai tahun 2006, beliau mengambil keputusan memulakan penanaman sawit di atas tanah seluas 2.28 hektar di bawah bimbingan pegawai Tunjuk Ajar Nasihat Sawit (TUNAS) MPOB.

Tanaman dua baris

Beliau mengamalkan tanaman sawit secara sistem tanaman dua baris dengan jarak tanaman berukuran 6.1m x 9.1m manakala jarak di antara dua barisan ialah 15.2m dengan kepadatan tanaman sawit sebanyak 136 pokok per hektar.

Hariri amat menitikberatkan pembajaan sawit di kebunnya. Beliau berpendapat bahawa penggunaan baja mengikut ja-

dual serta pada kadar yang betul adalah penting bagi memastikan hasil yang baik.

Beliau menggunakan baja sebatian MPOB F2 untuk tanaman sawitnya yang berumur enam tahun dengan kadar 3kg/pokok setiap 4 bulan. Mengikuti rekod hasil, beliau telah mencapai 22 tan/ha/tahun pada tahun 2012 dan 31.36 tan/ha/tahun pada tahun 2013 dimana hasilnya menunjukkan peningkatan setiap tahun.

Dibantu dua pekerja, segala urusan penuaian, pembajaan, meracung dan pembersihan kebun dilakukan dengan teliti dan dipantau sendiri olehnya.

Beliau juga sentiasa memastikan hanya buah tandan sawit yang masak sahaja akan dituai mengikut jadual sebelum dihantar ke pusat timbang.

POINTERS tinjau pasaran minyak sawit

» Seminar kongsi maklumat melalui pembentangan dalam talian

Seminar Internet Minyak Sawit – POINTERS mendapat sambutan yang amat menggalakkan sejak mula diperkenalkan pada tahun 2011.

Seminar ini adalah perkongsian maklumat oleh penganalisa pasaran dan mereka yang pakar dalam industri minyak sawit melalui pembentangan di dalam talian.

Bertemakan ‘Peluang, Cabaran dan Halatuju Harga Minyak Sawit Mentah bagi tahun 2015’, POINTERS sekali lagi akan dianjurkan untuk meninjau peluang pasaran minyak dan lemak dunia, khususnya minyak sawit.

Dijangkakan, tahun 2015 akan menjadi amat penting dalam halatuju permintaan serta harga minyak dan lemak sedunia. Keadaan ekonomi dunia serta cuaca yang tidak menentu akan memberi impak terhadap bekalan minyak dan lemak terutama minyak sawit.

Ambil langkah berjaga-jaga

Senario yang sama juga akan dihadapi oleh pengeluar minyak sayuran yang lain, seperti minyak kacang soya dan canola. Bahkan, ahli industri minyak dan lemak sedang mengambil langkah berjaga-jaga dan bersedia untuk sebarang kemungkinan yang akan berlaku ekoran kejatuhan harga minyak mentah baru-baru ini. Kesemua perkara ini akan diperjelaskan dengan terperinci melalui POINTERS.

Seminar Internet Minyak Sawit (POINTERS) yang akan dianjurkan di dalam talian pada 23 Februari hingga 1 Mac 2015



M P O C

“Seminar dalam talian ini memberi peluang kepada mereka yang berdaftar untuk mengikuti perkembangan semasa, harga dan pasaran minyak dan lemak dunia dengan lebih mudah pada bila-bila masa dan di mana saja”

membariskan mereka yang pakar di dalam pergerakan harga pasaran hadapan komoditi dan ahli-ahli industri minyak dan lemak utama untuk berkongsi pandangan di dalam perkembangan pasaran minyak dan lemak dunia.

Seminar dalam talian ini memberi peluang kepada mereka yang berdaftar untuk mengikuti perkembangan semasa, harga dan pasaran minyak dan lemak dunia dengan lebih mudah pada bila-bila masa dan di mana saja mereka berada. POINTERS juga memberi peluang peserta berinteraksi dengan pakar dan peserta lain pada sesi itu.

Kertas pembentangan akan sedia untuk dimuat turun pada 23 Februari – 1 Mac 2015. Di antara tajuk yang akan dibentangkan adalah:

1. Global Oils and Fats Outlook: 1st Half of 2015
2. Malaysian Palm Oil 2015: Supply and Demand Analysis

3. 2015 Global Oils and Fats Outlook
4. 2015 Crushing, Oils & Fats Outlook
5. Outlook for G3 Soybean Production in 2015
6. Technical Analysis on CPO 2015 Price
7. Trade Certification: Its Impact in the Palm Oil Industry
8. India's 2015 Oils & Fats Outlook
9. EU Biodiesel Market: Past, Present & Future

Seminar ini akan memberi pengetahuan yang amat berguna kepada para ahli industri minyak dan lemak serta orang ramai yang berminat. Banyak infomasi yang penting dan perkembangan terkini di dalam industri minyak dan lemak akan dikongsi bersama di dalam seminar ini. Penyeriaan aktif daripada orang ramai amatlah dialu-alukan. Daftar sekarang di <http://www.pointers.org.my>

KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pakaknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan juraah penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia.
Khasiat sejati. Anggerak dan semulajadi.

Organised By: MPOC

1st Announcement

POINTERS
Palm Oil Internet Seminar

Opportunities, Challenges and Trend in 2015 CPO Price

23 February 2015 - 1st March 2015

Login at www.pointers.org.my

Spend that week to interact with the speakers

Papers to be discussed at the upcoming POINTERS

Section 1 : Price

Paper 1: Global Oils And Fats Outlook -2015
By Tan Sri Yusof Basiron, CEO MPOC

Paper 2: Malaysian Palm Oil 2015: Supply and demand analysis
By MPOB

Paper 3: China's 2015 Oilseeds Crushing, Oils and Fats Outlook
By Jeffrey Xu, Overseas China Investment Limited

Paper 4: 2015 Global Oilseed And Edible Oil Outlook (TBC)

Paper 5: Outlook for G3 soybean production In 2015 (TBC)

Paper 6: Technical Analysis on CPO 2015 price
By Benny Lee, Chief Market Strategist, Jupiter Securities Sdn. Bhd.

Paper 7: India's 2015 oils and fats outlook
By Dr. B.V. Mehta, Executive Director, The Solvent Extractors' Association Of India

Section 2 : Policy & Trade Issues

Paper 1: EU biodiesel market : Past, present & future
By Ms Azriyah Azlan, Market Analyst, MPOC

Free Registration

MPOC reserves the rights to change the speakers/programme contents when required by circumstances beyond the control of MPOC



Sistem mekanisasi ladang bantu tingkat produktiviti

Kekurangan tenaga buruh memberi impak terhadap industri pertanian dan serba sedikit berpotensi mengurangkan produktiviti secara optimum. Peningkatan kawasan pertanian menyebabkan keberuntungan negara kepada buruh asing meningkat lanjutan daripada penyerapan buruh tempatan ke sektor pembuatan dan perkhidmatan. Lantaran itu, dalam tempoh dua dekad ini, pelbagai inisiatif telah diambil bagi mengatasi kepincangan ini dan salah satunya ialah penggunaan sistem mekanisasi di ladang sawit.

Mekanisasi dalam pertanian merupakan segala aktiviti yang melibatkan pemilihan, operasi, penyenggaraan, penyelenggaraan, perkhidmatan dan pemasaran yang mana melibatkan penggunaan unit tenaga mesin, peralatan,engkapan, struktur dan utiliti yang digunakan dalam pertanian. Di samping mengurangkan keberuntungan negara terhadap buruh asing, sistem mekanisasi ladang turut membantu dalam peningkatan produktiviti atau daya pengeluaran dan penghasilan.

Faktor pengaruhi kos pengeluaran
Produktiviti umumnya dipengaruhi kos pengeluaran yang mana memainkan peranan penting dalam kejayaan sesebuah ladang. Antara faktor yang mempengaruhi kos pengeluaran termasuklah pengangkutan dan tenaga buruh. Pengimplementasian sistem mekanisasi mampu mengatasi pengambilan tenaga buruh yang ramai dan secara tidak langsung mengurangkan kos pengeluaran. Kos pengeluaran yang rendah akan menjimatkan perbelanjaan dan meningkatkan keuntungan sekaligus memberikan produk-

INFO

PEMENANG PERTAMA

- Nurul Aini Ahmad Soberi
- K/P: 980819-06-5192
- SM Sains Sultan Haji Ahmad Shah, KM 12, Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang

tiviti yang tinggi kepada ladang dan industri.

Sistem mekanisasi turut mempercepatkan pemprosesan produk. BTS yang lewat dihantar ke kilang untuk proses berikutnya akan mengalami peningkatan asid lemak bebas (free fatty acid) di dalam minyak dan seterusnya menyebabkan kualiti minyak menurun. Oleh sebab itu, langkah terbaik bagi mengelak berlakunya kepincangan seperti ini, penggunaan sistem mekanisasi amat digalakkan. Melalui inisiatif ini, BTS dapat dihantar ke kilang dalam kadar segera bagi mengelak kemerosotan kualiti output iaitu minyak. Kualiti output yang baik memberi petanda hasil produktiviti yang mantap.

Mekanisasi juga membantu memastikan sistem pengurusan yang cekap. Sepertimana yang kita sedia maklum, sistem dan prosedur merupakan produktiviti. Penggunaan system mekanisasi ladang membawa kepada penyelesaian kerja mengikut kesesuaian dan ketepatan masa bagi memenuhi permintaan pasaran seraya menjadi refleksi kepada sistem pengurusan yang cekap dan produktiviti yang bagus dan memuaskan.

Sistem mekanisasi

Selain membantu dalam produktiviti ladang, sistem mekanisasi turut menyokong peningkatan produktiviti pekerja. Aktiviti manual di ladang sawit ada kalanya agak membosankan dan membuatkan pekerja hilang minat dan kesungguhan melakukan kerja terutamanya apabila ada pengkhususan kerja. Hal ini menjadikan daya tarikan kurang, lantas mengurangkan minat pekerja untuk bekerja di ladang sekali gus menurunkan produktiviti ladang dan pekerja penjenjeraan atau mekanisasi mengambil alih kebanyakan kerja yang dahulunya dilakukan secara manual seperti membaja.

Situasi ini mendorong pekerja bekerja dengan lebih sistematik dan cekap dalam tempoh lama. Peningkatan pendapatan dalam kalangan pekerja adalah ketara dengan pengenalan mekanisasi di ladang sawit.

Pertambahan produktiviti setelah pengimplementasian mekanisasi dapat dilihat jelas jika dibandingkan dengan kaedah lama dengan anggaran peningkatan sebanyak tiga kali ganda.

Tuntasnya, pelaksanaan sistem mekanisasi ladang sememangnya membantu produktiviti. Kenyataan ini tidak dapat disangkal lagi memandangkan kaedah ini terbukti memberi manfaat kepada industri dan secara tidak langsung menyokong ekonomi negara. Sudah terang lagi bersuluh bahawa kita kini berada dalam era perkembangan teknologi yang begitu pesat di mana dunia mengalami revolusi yang amat dasyat. Maka, kemudahan canggih yang sememangnya diinovasikan untuk kepentingan kemajuan dunia ini sewajarnya dimanfaatkan.

Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan Satu hingga Lima.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;
Hadiah Pertama : RM250
Hadiah Kedua : RM200
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Februari 2015 akan datang.

Syarat Penyertaan:

Tertuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan Satu hingga Lima Panjang esei di antara 450 hingga 600 patah perkataan

Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)

Keputusan juri adalah muktamad Tarikh tutup penyertaan ialah pada 23 Januari 2015.

Hantarkan penyertaan ke alamat: Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit

Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad
(Unit Komunikasi Korporat)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Disember 2014

Pemenang:

Hadiah Pertama
Nurul Aini Ahmad Soberi
(No. K/P: 980819-06-5192)
SM Sains Sultan Haji Ahmad Shah
KM 12, Jalan Gambang,
25150 Kuantan, Pahang

Hadiah Kedua
Tiada Pemenang

Hadiah Ketiga
Tiada Pemenang

KUIZ SAWIT siri 49

Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6.
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang.
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang.
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **22 Januari 2014**.
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 49)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

Soalan Kuiz Sawit Siri 49

1. Singkatan Bidang Ekonomi Utama Negara adalah:
 BEUT NKEA NKAE
2. Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara bagi sawit terdapat projek permulaan
 6 8 6
3. Berikut adalah komoditi yang diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), kecuali...
 Getah Kayu Kayan Petroleum
4. Berikut adalah perosak tanaman sawit, kecuali...
 Ulat bungkus Kumbang badak Burung hantu
5. Kulat Ganoderma adalah penyebab penyakit reput pangkal batang pada pokok sawit
 Betul Salah
6. Tandan kosong sawit (EFB) dan sisa buangan kilang sawit (POME) dapat menjana tenaga elektrik
 Betul Salah
7. Khidmat Pegawai TUNAS disediakan khusus oleh MPOB untuk membantu golongan berikut:
 Pengusaha ladang sawit Pekebun kecil sawit Pengilang sawit
8. Apakah nama minyak biodiesel yang dihasilkan oleh MPOB yang dipanggil oleh masyarakat umum?
 B5 B6 B7
9. Pilih satu spesies buah sawit yang ditanam di Malaysia?
 Dura Elaies Rossa
10. Vitamin E dalam minyak sawit dipercayai dapat melambatkan proses penuaan
 Betul Salah

Borang Penyertaan Siri 49

Nama : _____
Tahap : _____
Alamat Sekolah: _____

Alamat Rumah: _____

Poskod: _____
No. Tel: _____

Nama pemenang Siri 48

- **1. Muhammad Nazhan Nazri**
SK Pusat Bukit Besar, Kuala Terengganu, Terengganu
- **2. Muhammad Rasul Norisam**
Sek. Keb. Paroi, Seremban, Negeri Sembilan
- **3. Nur Adni Abdullah**
Sek. Keb. Sungai Korok Lama, Alor Setar, Kedah
- **4. Muhammad Zakwan Noh**
SK Teluk Berembang, Lubok China, Melaka
- **5. Ani Sumayah Abd Malik**
SK Sri Subang Jaya, Subang Jaya, Selangor
- **6. Raja Kasmawartikah Insyirah Raja Kiyai Sirajudin**
SK To' Uban, Pasir Mas, Kelantan
- **7. Zahirah Basit**
Sek. Ren. Islam As-Saidiah, Seremban, N. Sembilan
- **8. Muhammad Aneeg Farriqin Muhamad Firdaus**
SK Klebang Besar, Melaka
- **9. Nur Izzati Bahrin**
SK Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang, Selangor
- **10. Nurmusfirahani Borhan**
SK Jalan Empat, Bandar Baru Bangi, Selangor

Peraduan mengarang esei Berita Sawit Januari 2015

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antara-bangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: 'Indutri sawit menyumbang ke arah ekonomi mampan. Bincangkan'.

Peraduan Mengarang Esei Berita



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas (tiga dari kiri, barisan hadapan), bergambar bersama wakil Puratos dan delegasi Malaysia ketika melawat kilang Puratos di Groot-Bijgaarden. Turut kelihatan dari kiri Pengerusi MPOC, Datuk Lee Yeow Chor; Pengerusi MPOB, Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad (empat dari kiri); Ketua Pengarah MPOB, Datuk Choo Yuen May (dua dari kanan) dan Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPIC, Datuk M Nagarajan (kanan).



DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzudin Shah menyampaikan Anugerah Merdeka kepada Datuk Dr Choo Yuen May.



Pemenang Anugerah Kecemerlangan Sains Piala Pusingan Ketua Pengarah bergambar bersama Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Himmat Singh dan Datuk Dr Choo Yuen May sempena Majlis Anugerah MPOB dan Anugerah Industri Sawit di Seri Kembangan, baru-baru ini



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kasnon menyampaikan bantuan kepada kakitangan MPOB yang terjejas banjir di Temerloh, Pahang. Turut hadir Datuk Dr Choo Yuen May dan Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Mohd Sanuri Shahid.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas, bergambar bersama wakil peserta 'Pre-Lab Workshop' bagi NKEA Sawit dan Getah yang diadakan di Ibu Pejabat MPOB, Bangi. Turut serta Datuk Himmat Singh (enam dari kiri), Datuk Dr Choo Yuen May (lima dari kiri) dan Datuk M Nagarajan (enam dari kanan).

